



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI PULAU PINANG**

Tingkat 42,
Kompleks Tun Abdul Razak (KOMTAR)
10000 PULAU PINANG

Tel: 604-255 5500 – 507 (8 Talian)
Faks: 604-255 5577
e-Mail : pneg_png@anm.gov.my
Laman Web:
<http://portalpp.anm.gov.my/penang>

Ruj. Kami : ANM PG.500/18(35)
Tarikh : 24 Januari 2022

**KETUA-KETUA
PUSAT PEMBAYAR GAJI**

Tuan/Puan,

**SOAL SELIDIK MENGENAI TAHAP PENGETAHUAN PTJ BAGI PENYEDIAAN
KEW.320 (SG20) DAN SEMAKAN LAPORAN DI PUSAT TANGGUNG JAWAB (PTJ)**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Selaras dengan Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM Bil.1/2020 – Tatacara Pengurusan Bayaran Emolumen Pegawai Awam Persekutuan), Borang Perubahan Gaji (Kew.320 Pin.1/2019) hendaklah **disemak dan disahkan** bahawa semua maklumat yang dilengkapkan adalah **TEPAT, BETUL dan SELARI** dengan maklumat di dalam Sistem iGFMAS.

3. Sehubungan dengan itu, kerjasama Tuan/Puan adalah diminta untuk melengkapkan Soal Selidik yang disediakan **TANPA GAGAL** bagi mengenalpasti tahap pengetahuan dan kompetensi pegawai yang mengendalikan proses emolumen di PTJ. Soal selidik ini hendaklah dilengkapkan oleh Ketua Pusat Pembayar Gaji melalui soal jawab bersama pegawai yang bertanggungjawab menguruskan emolumen di PTJ masing-masing. Soal selidik ini hendaklah dilengkapkan **selewat-lewatnya pada 28 Januari 2022 (Jumaat)** melalui link berikut:

<https://docs.google.com/forms/d/1-dD2-FfON6SbC1A19NQNm4AqXNuwpBtst1cl-pZKMvM/edit>

4. Perhatian dan kerjasama tuan/puan berhubung dengan perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul”

Saya yang menandatangani amanah,

(SARIPUDIN BIN KANDA C.A.(M))
Pengarah
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Negeri Pulau Pinang

Nbz/folder unit gaji/2022/Buletin/Soal selidik SG20